

Kehakiman: PM ulangi pendirian kerajaan

BH 31 JUL 2001
Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar dan Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi jaminan kerajaan tidak akan campur tangan dalam bidang kehakiman, walaupun tidak berpuas hati dengan beberapa keputusan yang dibuat badan itu.

Perdana Menteri berkata, rakyat dan orang ramai mengajukan pelbagai persoalan terhadap badan kehakiman negara (menge-nai beberapa keputusan yang dibuat hakim).

“Setakat yang boleh, kerajaan tidak akan campur tangan dalam urusan kehakiman. Kita boleh (campur tangan) jika perlu, termasuk menyingkirkan hakim yang lari daripada undang-undang dan peraturan serta menyalahgunakan badan kehakiman.

“Tetapi kerajaan tidak akan berbuat demikian

“Hakim bebas menjalankan tugas dan bebas membuat keputusan, walaupun ada ketikanya keputusan yang dibuat itu sukar diterima kerajaan tetapi kita menerimanya dengan sikap terbuka”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga tidak pernah cuba mempengaruhi hakim selepas melantik mereka ke jawatan berkenaan.

“Hakim bebas menjalankan tugas dan bebas membuat keputusan, walaupun ada ketikanya keputusan yang dibuat itu sukar diterima kerajaan tetapi kita

salah oleh mahkamah atas kesalahan pengundi han-tu dan poster.

“Kita tidak tahu siapa yang membuat poster berkenaan tetapi yang salah ialah BN, berikutan itu, dengan tersebarnya majalah dan risalah tanpa kebenaran Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang menuduh kerajaan berma-

kerana ini akan membawa tuduhan yang keras daripada orang asing yang menjadi kawan mereka. Mereka sedar kerajaan tidak akan bertindak, dengan itu mereka (hakim) menjadi lebih bebas lagi untuk melakukan perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh badan kehakiman,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Kesyukuran Pemimpin dan Rakyat Sempena Kemenangan Barisan Nasional di Dewan Undangan Negeri Likas di tempat letak kereta di Pusat Perdagangan Sabah, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri Sabah merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat; Setiausaha BN Sabah, Datuk Karim Bujang dan Ahli Dewan Undangan Negeri Likas, Datuk Yong Teck Lee.

Kira-kira 4,000 penduduk Likas menghadiri majlis kesyukuran berkenaan bagi meraikan calon BN, Yong yang menang besar dalam pilihan raya kecil Likas, 21 Julai lalu mengalahkan calon Parti Bersatu Sabah, Dr Chong Eng Leong, Christina Liew (Kea-dilan) dan Joshua YC Kong (Bebas).

menerimanya dengan sikap terbuka.

“Walaupun ada kes perbicaraan dijalankan terlalu lama...sudah jadi macam sandiwara tetapi kita tidak protes kerana kita tidak suka campur tangan dalam urusan penghakiman. Malah, cubaan untuk mengheret pemimpin kerajaan yang tidak ada kena mengena dengan kes berkenaan turut dibenarkan dalam mahkamah di Malaysia,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan masih dituduh campur tangan dalam kes tertentu, walaupun kita menafikannya.

Sebaliknya, Dr Mahathir cukup sedih kerana perbuatan penyalahgunaan mahkamah dibuat sewenangnyanya oleh pihak tertentu yang diberi layanan yang cukup baik oleh kerajaan.

“Tetapi mereka menyalahgunakan kebebasan yang diberi untuk memburukkan orang yang tidak berupaya mempertahankan diri,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, BN terpaksa mengosongkan kerusi dewan undangan negeri yang dimenangi di Likas selepas didapati ber-

cam-macam sekarang, kita boleh menuding jari kepada parti pembangkang yang menghasilnya dan bertindak terhadap mereka.

“Tidak terbukti BN yang mengeluarkan poster berkenaan, tetapi yang salah dan menerima akibat ialah BN (sehingga terpaksa mengosongkan kerusi),” katanya.

Dr Mahathir berkata, banyak perkara dalam kes (Yong) yang tidak adil sama sekali dan tidak mengikut undang-undang.

“Mungkin ada yang berpendapat, apa yang saya katakan ini mencabul hak mahkamah dan saya akan diadapkan kerana menghinakan mahkamah...kalau nak bawa kes ini ke mahkamah...jemputlah dan dakwalah saya ke mahkamah.

“Tetapi perkara yang benar akan saya perkatakan juga...kita sanggup berdiri kerana kebenaran bukan sahaja di luar negara tetapi di negara kita sendiri...kalau mana-mana pihak melakukan sesuatu yang salah kita akan kata salah... sama ada dia mempunyai kebebasan tertentu atau tidak,” katanya.